

# Orang asli Kuala Koh kembali ceria

**Tragedi kematian 15 orang asli suku Bateq pada Jun lalu menjadi sejarah hitam Gua Musang**

AKMALIAH RAZAK

GUA MUSANG

Tragedi kematian seramai 15 orang asli suku Bateq, Kampung Kuala Koh di sini pada Jun lalu adalah sejarah hitam bagi komuniti orang asli khususnya di daerah ini.

Kematian misteri ahli keluarga dan rakan-rakan mereka tidak diketahui puncanya.

Pendedahan *Sinar Harian* pada 8 Jun lalu membuka mata semua pihak termasuk kerajaan sehingga punca kematian disahkan sebagai jangkitan wabak campak.

Proses membawa keluar orang asli yang sakit dari hutan ke hospital, operasi menjejaki mayat di hutan belantara, siasatan kematian sehingga proses pengebumian mendapat liputan meluas terutama di media massa.

Bagaimanapun, selepas hampir enam

## Misteri kematian orang asli

13 penduduk suku Bateq Gua Musang dikejutkan meninggal dunia

**M**isteri orang asli di Kampung Kuala Koh di sini mencekam ketika 13 penduduk asli suku Bateq meninggal dunia dalam tempoh enam minggu.

Sebelum itu lagi beberapa penduduk meninggal dunia kerana penyakit yang dikenali sebagai 'Misteri'.



Johari Kullim, 35, menunjukkan hasil tanaman terung yang terjejas akibat cuaca pada musim tengkujuh.

**SUKU BATEQ** merupakan suku asli yang tinggal di kawasan pedalaman Gua Musang. Mereka dikenali sebagai 'Suku Bateq' dan tinggal dalam hutan.

**'Rasa macam tunggu mati'** Gua Musang, Sabah seorang anggota, Yati Ripin, 30, berkata, kejadian yang berlaku pada 8 Jun lalu adalah sejarah hitam bagi komuniti orang asli khususnya di daerah ini.

**'Rasa macam tunggu mati'** Gua Musang, Sabah seorang anggota, Yati Ripin, 30, berkata, kejadian yang berlaku pada 8 Jun lalu adalah sejarah hitam bagi komuniti orang asli khususnya di daerah ini.

Kehidupan orang asli Kuala Koh, Gua Musang kini semakin pulih daripada kejadian enam bulan lalu.

Laporan *Sinar Harian* pada 8 Jun 2019.

bulan berlalu, penduduk di kampung berkenaan kembali kepada kehidupan normal dan masing-masing menguruskan keluarga dengan lebih baik.

Tinjauan *Sinar Harian* mendapati orang asli suku Bateq menjalani rutin kehidupan seperti biasa.

Golongan lelaki memikul tanggungjawab mencari rezeki di hutan, manakala golongan wanita pula menguruskan keluarga di rumah dengan kemeriahan suara anak-anak yang kebanyakannya bermain tanpa memakai baju dan seluar.

Riak kebimbangan tiada lagi pada wajah mereka.

Ketika perbualan penulis bersama beberapa penduduk kampung, mereka mengakui kehidupan mereka kini lebih baik dan semuanya dalam keadaan yang sihat.

Masing-masing mengakui tidak sabar mahu menikmati kemudahan bekalan elektrik yang dijanjikan pada 2020.

Seorang mangsa jangkitan wabak campak, Yati Ripin, 30, berkata, kejadian yang menimpa suku kaumnya itu amat terkesan dalam hidupnya dan memberi pengajaran kepada dirinya.

"Saya sudah semakin sihat sekarang. Kalau rasa nak demam, saya terus ke klinik dan makan ubat."

"Selepas kejadian itu, saya lebih menjaga kesihatan," katanya.



Sekumpulan anak-anak orang asli Kampung Kuala Koh, Gua Musang kelihatan gembira dan mudah didekati apabila diminta bergambar ketika mereka sedang asyik bermain.



Yati Ripin, 30, kini semakin sihat selepas mengalami kesakitan akibat penyakit kulit kronik dan dijangkiti virus campak pada Jun lalu.



Johari Kullim, 35, menunjukkan hasil tanaman terung yang terjejas akibat cuaca pada musim tengkujuh.



Anak-anak orang asli suku Bateq bermain bersama-sama di halaman rumah mereka.



Nira Nangka, 45, (kanan) dan anaknya, Lili Rahman, 22, masih menggunakan anak sungai untuk membasuh pakaian serta mandi.